

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI  
KELANTAN  
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS,  
2021-2025 (RMKe-12)**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH OLEH  
YB SENATOR DR. RADZI JIDIN  
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**5 SEPTEMBER 2019  
HOTEL PERDANA, KOTA BHARU, KELANTAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

**Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad bin Yakub**

Menteri Besar Kelantan

**Yang Berhormat Datuk Haji Mohd Amar bin Nik Abdullah**

Timbalan Menteri Besar Kelantan

**Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad**

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

**Yang Berhormat Dato' Haji Shahidani bin Abd Aziz**

Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan

**Yang Berbahagia Datuk Ahmad Robert bin Abd Rahim**

Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri Kelantan dan Jabatan Persekutuan

Pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin menyampaikan salam daripada YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, beliau kini berada di Rusia bersama YAB Perdana Menteri.
2. Seperti mana yang kita maklum, pagi ini adalah sesi libat urus bagi persediaan menyediakan Rancangan Malaysia Kedua Belas dan sesi libat urus ini, kita telah bergerak ke serata negara dari Perlis hingga ke Sabah, yang tinggal Kelantan pada hari ini, yang kedua terakhir dan akhir sekali di Kedah. InsyaAllah di Kedah dalam masa terdekat.
3. Dan sesi libat urus ini merupakan satu usaha dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk mendapat pandangan, input dan *feedback* dari Kerajaan Negeri dari seluruh Malaysia berkaitan dengan penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas.
4. Dan saya selaku orang Kelantan amat berbesar hati dapat bersama-sama pada hari ini dalam sesi libat urus ini, untuk kita sama-sama menyumbang pandangan dan pendapat berkaitan dengan pembangunan Negeri Kelantan khususnya dalam konteks RMKe-12, 2021-2025.

5. Apa yang kita inginkan dalam sesi libat urus ini, kita tidak mahu Rancangan Malaysia ini menjadi *top down approach* daripada atas dibawa turun ke bawah, kami *decide* hendak buat apa. Kita hendak ada *top down* dan pada masa yang sama ada *bottom up approach*, daripada bawah.
6. Kita dengar apa yang diperlukan dan kita jajarkan terutama dengan negeri-negeri, kita jajarkan apakah aspirasi Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri. Biar ada satu jajaran-jajaran yang baik supaya setiap program, setiap pelaksanaan yang dilakukan itu memberikan impak yang optimum.
7. Jadi apabila kita bercakap tentang libat urus ini, ianya bukan sahaja melibatkan Kerajaan Negeri tetapi juga kita adakan sesi libat urus dengan pihak akademik, dengan NGO-NGO, dengan pelbagai pihak lain, untuk memastikan bahawa dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas ini milik seluruh rakyat Malaysia.
8. Kita hendak bagi ada rasa, bahawa kami sebahagian daripada Rancangan Malaysia Kedua Belas, bukannya Rancangan Malaysia Kedua Belas ini datang daripada

Kerajaan, kami kena buat. Kami sebahagian daripada Rancangan Malaysia Kedua Belas supaya dokumen itu menjadi milik seluruh rakyat Malaysia.

9. Jadi dalam usaha ini, saya sentiasa tekankan, dalam setiap program kami yang bersama YB Menteri pun tekankan bahawa walaupun di negeri-negeri yang berlainan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, itu bukan satu penyebab yang boleh menghalang pembangunan negeri yang lebih baik.
10. Yang lama, yang lepas, lepaslah. Kaedah kami adalah untuk memastikan bahawa pembangunan itu memberi manfaat yang besar kepada seluruh rakyat. Dari Perlis sampai ke Sabah, semoga pembangunan yang dibawa itu dapat dirasai sepenuhnya.
11. Sebelum saya meneruskan ucapan ini, saya ingin sentuh sedikit, berkongsi sedikit tentang ucapan YAB Perdana Menteri sewaktu ulang tahun pertama Pakatan Harapan, iaitu berkaitan Wawasan Kemakmuran Bersama.

12. Wawasan Kemakmuran Bersama ini secara umumnya adalah untuk melihat seluruh rakyat Malaysia, mendapat satu kehidupan yang wajar, *standard of living by 2030*. Pada tahun 2030, seluruh rakyat Malaysia akan mendapat satu kehidupan yang wajar. Apa yang wajar itu, akan diterangkan, dibincangkan selanjutnya kemudian.
13. Cuma itulah matlamat utama yang ingin dilihat dan ini melibatkan perkongsian konsep Kemakmuran Bersama ini memastikan bahawa pembangunan negera dapat dirasai oleh semua pihak, oleh semua rakyat.
14. Jadi apabila kita bercakap tentang Wawasan Kemakmuran Bersama ini, ianya memberi tiga objektif utama. Izinkan saya sentuh sedikit, berkongsi sedikit aspirasi Kerajaan tiga objektif utama.
15. Pertamanya untuk merapatkan jurang ekonomi, jurang ekonomi dalam konteks empat jurang. Pertamanya jurang antara kelas pendapatan, kedua ekonomi antara wilayah, yang ketiga jurang ekonomi antara kaum dan yang keempat jurang ekonomi dalam rantai bekalan. Ini penekanan

yang diberikan dalam objektif utama untuk merapatkan jurang ekonomi.

16. Jurang ekonomi pertama berkaitan dengan kelas pendapatan, data-data menunjukkan walaupun kita lihat, ekonomi negara membangun tetapi jurang ekonomi antara kaya dan miskin itu semakin melebar, semakin hari semakin melebar dan jurang ekonomi ini jika tidak ditangani, akan membawa kesan tidak baik kepada negara.
17. Maka sebab itulah keutamaan diberikan untuk merapatkan jurang ekonomi antara kaya dan miskin. Dan antara kaedah yang kita akan terangkan, apabila bercakap dalam konteks ekonomi tadi, kita kena faham apabila hendak merapatkan jurang ekonomi antara kelas pendapatan ini, kita kena faham demografik, kita kena faham *detail* rakyat setiap negeri supaya kita dapat membentuk kaedah-kaedah bagi memastikan jurang ini dapat dirapatkan secepat mungkin.
18. Kita tidak mahu *drag for too long*, jadi sebab itulah semasa Kongres Ekonomi Kelantan di UMK, Prof Azizi ada di sini, saya menjelaskan, berkongsi data-data berkaitan dengan Kelantan. Sebab dalam kita merangka dasar, kita kena

betul-betul faham, apa yang berlaku, apakah konteksnya, apakah situasinya di bawah.

19. Jadi antara data yang sensasi kini, bila bercakap tentang jurang kelas pendapatan adalah data kemiskinan di Negeri Kelantan. Saya ingat saya tunjukkan data-data dari DOSM, Jabatan Perangkaan berdasarkan *household income survey*, di mana kadar kemiskinan di Negeri Kelantan adalah 0.4% persamaan kadar *federal* iaitu seluruh Malaysia.
20. Namun jumlah 0.4% jika *ditranslate* jumlahnya kecil tetapi apa yang kita lihat, kita tengok juga data E-Kasih. Kita boleh ingat, data DOSM ini adalah data *survey* yang dilakukan Jabatan Perangkaan tetapi data E-Kasih data *headcount*, pergi ke bawah tengok siapa ini, Encik Amir, JPP, kepakaran JPP *headcount*, memastikan bahawa penerima itu adalah mereka yang layak untuk menerima E-Kasih.
21. Tetapi data E-Kasih ini menunjukkan bahawa Kelantan merupakan jumlah-jumlah penerima E-Kasih ini, Kelantan merupakan ketiga tertinggi dalam Malaysia.

22. Kemudian ada yang kata, *no rakyat Kelantan ini kaya-raya*, mampu naik kapal terbang lebih daripada 60 penerbangan sehari. Hakikat yang kita perlu lihat, apa sebenarnya? Itu menunjukkan *disparity*, itu menunjukkan jurang kaya dan miskin.
23. Kita bercakap tentang yang mampu, kita bercakap yang boleh balik kerap, yang naik helikopter dan sebagainya. Apa yang saya jelaskan bahawa ramai yang masih miskin yang memerlukan bantuan. Itu sebab saya kata dalam kita membuat dasar ini, apa yang penting kita faham konteks. *Disparity* ini ialah jurang yang apabila kita bercakap tentang Kemakmuran Bersama kita perlu tangani.
24. Jadi apa yang kita lihat, mereka dalam kelas berpendapatan rendah, *income* mereka, pendapatan utama mereka adalah daripada gaji. Kebanyakan daripada gaji tetapi apa yang berlaku gaji ini, kalau tengok di mana-mana pun gaji tidak tinggi. Kumpulan pekerja ini bergantung pada gaji dan gaji tidak tinggi.
25. Ini berkait dengan objektif kedua iaitu penstrukturran semula ekonomi. Sebab itu saya selalu bagi contoh, saya *graduate*

balik dari Australia pada tahun 1999, pasaran pekerjaan pada waktu itu gajinya RM1,500 hingga RM2,500. Pada hari ini seorang graduan keluar universiti RM1,200 pun masih sanggup terima.

26. Itu 20 tahun yang lalu, gaji RM1,500 hingga RM2,500, *20 years ahead*, graduan masih sanggup terima RM1,200 atau RM1,500. Secara strukturnya ada isu yang kita kena *address* dalam ekonomi kita. Jadi sebab itu kita ingin lihat konteks kedua Kemakmuran Bersama adalah berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi.
27. Pertumbuhan ekonomi dalam bidang yang bernilai tinggi. Jadi ini bawa balik isu di Kelantan. KDNK Kelantan penyumbang utama KDNK Kelantan adalah sektor perkhidmatan. Penyumbang kedua KDNK Kelantan lebih daripada 20% adalah pertanian.
28. Dalam senarai KDNK seluruh negara, apabila negeri itu bergantung kepada pertanian. Maka apa yang akan berlaku, inilah antara negeri-negeri yang ramai rakyat miskin. Tetapi jika kita lihat sektor pertanian ini, rakyat Kelantan dia tubik (keluar) pagi-pagi bekerja, balik tengah hari, lepas Zuhur

tubik pula, lepas Asar tubik pula. Ada *effort*, usaha yang diletakkan tetapi hasil nilai yang dikeluarkan tidak tinggi sebab itu YAB Perdana Menteri tekankan bahawa sektor pertanian perlu ditingkatkan dengan teknologi-teknologi yang tinggi.

29. Bekerja daripada pagi sampai petang, 8 hingga 5 petang. Kaedah tradisional boleh bagi RM1,000 sebulan tetapi dengan bantuan-bantuan teknologi, kerja 8 hingga 5 boleh sampai RM20,000 sebulan.
30. Bagaimana teknologi dan kaedah-kaedah baru ini dapat membantu meningkatkan produktiviti dan nilai output kepada rakyat. Jadi ini yang kita perlu tekankan, maka usaha-usaha akan dilakukan oleh Kerajaan dalam konteks Kemakmuran Bersama ini untuk merapatkan jurang antara kelas pendapatan ini.
31. Yang keduanya jurang antara wilayah, pada pembentangan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas pada 18 Oktober tahun lalu, YAB Perdana Menteri telah umumkan bahawa enam negeri yang agak keterbelakang

dalam konteks pembangunan akan diberikan keutamaan dalam konteks peruntukan pembangunan.

32. Enam negeri tersebut adalah Sabah, Sarawak, Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan. Maknanya kita ingin pastikan bahawa kemakmuran Malaysia ini, pembangunan Malaysia ini dapat dirasai seluruh rakyat dari Perlis sampailah ke Sabah, semua orang dapat merasainya. Jadi itulah konteks pembangunan wilayah.
33. Dan jika kita tengok tentang KDNK negara lebih daripada 40% KDNK negara tertumpu di Kuala Lumpur. 40% pembangunan KDNK, Keluaran Dalam Negeri Kasar ini tertumpu di Kuala Lumpur, 42% seingat saya, tertumpu di Kuala Lumpur dan Selangor.
34. Maka dalam masa yang akan datang, kita mahu pembangunan ini, pusat-pusat ekonomi ini turut wujud di negeri-negeri lain juga seperti di Kelantan ini antara yang kita lihat, di Tok Bali contohnya sedang membangun, sedang dibangunkan.

35. Jadi pusat-pusat pembangunan ekonomi perlu ada di setiap negeri, di setiap tempat supaya semua rakyat dapat merasainya, tidak perlu pergi ke Kuala Lumpur. Ini bila semua orang hendak pergi Kuala Lumpur, dengan *cost of living* yang tinggi, miskin bandar menjadi isu dan sebagainya, maka itulah yang ditekankan dalam konteks jurang ekonomi.
36. Yang ketiga, jurang antara kaum. Data-data menunjukkan jurang antara kaum ini dalam konteks ekonomi semakin melebar. Maka Kerajaan akan mengambil pendekatan bagi memastikan jurang ini dapat dirapatkan.
37. Walaupun pelbagai usaha telah dibuat sebelum ini daripada asal Dasar Ekonomi Baru lagi. Tetapi disebabkan ketirisan, pelbagai isu, maka hasrat untuk melihat jurang ini dapat dirapatkan tidak tercapai. Maka dalam konteks Kemakmuran Bersama ini adalah satu aspek yang akan dilihat, diberi penekanan oleh Kerajaan.
38. Yang keempat adalah dalam rantai bekalan. Kajian oleh MyCC, yang disiarkan dalam tiga minggu yang lepas. Banyak kajian, antara isu yang ditekan adalah tentang

rantaian bekalan ikan, dari nelayan sehingga kepada pembeli.

39. Berdasarkan kajian yang dibuat pada nelayan, peraih, pemborong, pasar-pasar borong dan sebagainya. Nelayan ini yang mendapat komponen yang paling kecil dalam rantaian bekalan tersebut. Atas sekilo nelayan boleh dapat dalam seringgit tetapi yang buat kerja beratnya, yang keluar ambil risiko, 3 pagi keluar ke laut ini adalah nelayan. Tetapi yang dapat manfaat lebih besar bukannya nelayan tetapi mereka yang lain dalam rantaian bekalan tersebut.
40. Dan inilah antara mengapa, diberi penekanan supaya rantaian bekalan ini dilihat semula untuk memastikan bukan sahaja harga barang dapat diturunkan tetapi juga mereka dalam rantaian bekalan dapat merasai nikmat daripada usaha mereka dalam mengeluarkan hasil dalam rantaian bekalan yang berkaitan. Itu yang keempat.
41. Seterusnya saya sebut tadi tentang penstrukturkan semula ekonomi. Apabila kita hendak berkongsi kemakmuran ini, salah satu pra-syarat ekonomi itu mesti terus berkembang.

Kalau kita tidak kembangkan ekonomi, maka untuk berkongsi kitaran, kita akan ambil *portion* orang lain.

42. Sebab itu penekanan dalam konteks Wawasan Kemakmuran Bersama ini, adalah tentang penstrukturkan semula dan pembangunan ekonomi. Jadi ekonomi seperti mana saya sebut tadi, perlu distruktur semula. Gaji itu adalah satu contoh, apa yang berlaku apabila gaji agak *stagnant*, tidak naik tetapi inflasi meningkat, *cost of living* meningkat setiap tahun, maka dua garisan ini *cross each other* dan itulah timbulnya keadaan di mana tekanan kos sara hidup yang tinggi.
43. Apa yang berlaku, kita hanya bercakap tentang kos barang tetapi tidak ramai di antara kita bercakap tentang pendapatan. Kos sara hidup ada dua komponen pendapatan dan juga perbelanjaan. Jika perbelanjaan itu mahal tetapi pendapatan juga naik rasa, tetapi bila pendapatan *stagnant* tetapi perbelanjaan meningkat maka itulah tekanan yang dihadapi, yang dirasai oleh rakyat.
44. Sebab itulah kita warisi satu ekonomi yang perlu distruktur semula. Ekonomi kita ini terletak dalam *middle income*,

hendak kata tinggi tidak, hendak kata rendah pun tidak. Maka penekanan yang akan diberikan adalah *high value* industri.

45. Saya bagi contoh, dalam bidang pemakanan haiwan, *animal feed*. Apa yang berlaku *animal feed*, ini antara komponen paling mahal sekali, apabila bercakap tentang *last top industry*. Industri ternakan ini, makanan ternakan paling mahal.
46. Jadi apabila saya bercakap dengan pihak MOA. Tidak adakah barang ataupun hasil dalam negara yang boleh digunakan secara maksimum untuk hasilkan *animal feed* yang berkualiti? Ada, tetapi apa yang berlaku kelapa sawit ini SPKC *palm kernel oil*, dihantar ke Holland, ke Netherland untuk diproses kemudian dijual balik ke Malaysia. Jadi mahal diproses di sana, dijual balik di sini. Jadi antara bidang-bidang yang perlu ditekankan adalah berkaitan dengan *downstream*. Kita ada komuniti tetapi tidak ditekankan tentang *downstream*.
47. Jadi itu antara contoh-contoh bidang-bidang yang cuba kita tekankan supaya rakyat melakukan, meletakkan *effort* yang

sama dalam nilai *production*, nilai pengeluaran jauh lebih tinggi dan hasil jauh lebih tinggi. Itu objektif kedua.

48. Yang ketiga apabila jurang-jurang ekonomi dapat dirapatkan, apabila ekonomi dapat membangun, objektif ketiga adalah untuk membentuk satu atau sebuah negara yang bersatu padu, aman makmur dan bermaruah. Supaya pada 2030 Malaysia akan dapat menjadi paksi ekonomi Asia.
49. Jika kita lihat pembangunan ekonomi dunia ini, tumpuan adalah di Asia. Pembangunan paling pesat adalah di Asia, jadi kita perlu mengukuhkan konteks negara daripada segi ekonomi, dari segi rakyat supaya *by* 2030 kita dapat mencapai hasrat untuk menjadi sebuah negara, di mana rakyatnya dapat kehidupan yang *decent* ataupun satu kehidupan yang wajar.
50. Jadi itulah sedikit sebanyak tentang Wawasan Kemakmuran Bersama. Saya tidak ingin bercakap secara mendalam berkaitan dengan data-data ekonomi Negeri Kelantan kerana Puan Noraini, sekejap lagi akan membuat

pembentangan berkenaan data-data ekonomi Negeri Kelantan.

51. Cuma saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan keputusan Majlis Tindakan Ekonomi atau *Economic Action Council* yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Julai 2019. Majlis Tindakan Ekonomi telah membuat keputusan supaya permit pembinaan, *construction permit* sekarang ini YAB Menteri Besar, *construction permit* ini secara puratanya permit pembinaan ini mengambil masa 390 hari, jadi industri datang kepada Kerajaan memberikan *feedback* bahawa kadang-kadang projek boleh disiapkan dalam masa setahun tetapi hendak dapatkan permit dua tahun, tiga tahun, maka Majlis Tindakan Ekonomi membuat keputusan supaya tempoh untuk mendapatkan permit ini dipendekkan daripada 390 hari kepada 90 hari sahaja.
52. Jadi KSN telah mengambil tindakan-tindakan yang sepatutnya untuk memastikan usaha ini tercapai dan bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi kita ingin meminta bantuan daripada pihak Kerajaan Negeri, pihak-pihak berkuasa tempatan untuk turut sama membantu. Supaya

hasrat kita untuk memendekkan tempoh mendapatkan permit ini dapat dicapai.

53. Apabila tempoh mendapatkan permit ini lebih cepat, maka ekonomi itu akan berkembang dengan lebih laju. Dapat permit, buat, dapat permit, buat. Maka kita akan dapat lihat *growth* yang lebih baik untuk negara.
54. Dan selain itu, bercakap tentang RMKe-11 di bawah *Rolling Plan Keempat 2019*, saya rasa Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa Kelantan telah diperuntukkan sebanyak RM1.4 bilion, untuk Negeri Kelantan, untuk pembangunan Negeri Kelantan.
55. Dan pada ini, RM1.4 bilion ini adalah untuk 37 projek baharu dan 216 projek sambungan. Dan semalam saya berkesempatan untuk melawat beberapa tapak projek di Negeri Kelantan untuk melihat perkembangannya, untuk melihat keadaannya dan antara yang kita lawat.
56. Pertama sekali adalah Lebuh Raya Rakyat. Tumpuan kita adalah untuk melihat Central Spine Road itu terutamanya

Kota Bharu – Kuala Krai itu dapat disiapkan seberapa segera, itu tumpuan utama.

57. Sebab sebelum ini, itu tulang belakang sehingga ke Kuala Krai dapat memendekkan perjalanan, kalau pagi *peak hour*, dari 2 jam ke 1 jam kepada 40 minit sahaja. Jadi daripada 2 jam kepada 40 minit maknanya, 1 jam 20 minit produktiviti untuk rakyat Kelantan. Jadi itulah antara penekanan yang diberikan. Maka satu komponen utama dalam KBKK adalah Lebuh Raya Rakyat sepanjang 10 kilometer.
58. Dimaklumkan Kerajaan Negeri telah serahkan kepada pihak JKR dan pihak JKR telah maklumkan pada saya, mereka sedang membuat kajian-kajian penelitian untuk melihat dari sudut perundangan, dari sudut *justification*, dari sudut struktur apa kaedah yang terbaik sebelum mereka membuat sebarang keputusan.
59. Sebab kita tidak hendak nanti siap sebelah sana, siap sebelah sini, terputus 10 kilometer, kena keluar pula untuk sambung ke *highway*. Jadi benda kena ada pelarasan yang

baik untuk memastikan bila siap daripada Kota Bharu terus Kuala Krai.

60. Seterusnya kami ke Wakaf Lichong, melihat cadangan jalan di situ, daripada Tok Bali ke Wakaf Lichong supaya kita ingin lihat supaya CSR ini dimanfaatkan oleh pelbagai pihak. Bila siap nanti *centre plus* boleh, daripada bawah ke atas, daripada kiri ke kanan boleh. Jadi ada manfaat yang optimum untuk CSR itu sendiri.
61. Dan kita juga melihat, tapak stesen ECRL di Pasir Putih dan seterusnya kami ke Tok Bali, pelabuhan Tok Bali. Jadi, InsyaAllah apa yang boleh dilakukan kita akan lakukan yang terbaik untuk Negeri Kelantan. Dan banyak projek-projek infrastruktur, hospital dan sebagainya yang sedang dilaksanakan di Bachok, di Tanah Merah ada tambahan dan sebagainya.
62. Dan apa yang penting, adalah untuk memastikan cadangan-cadangan projek ini dapat dijalankan atau dilaksanakan dengan baik. Maka kita perlu ada kerjasama rapat antara pihak Kementerian dan Kerajaan Negeri. Supaya segala

usaha kita dapat dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan.

63. Jadi saya ingin menyentuh sedikit YAB Menteri Besar, semalam apabila saya ke Lebuhraya Rakyat ini, keluar berita hari ini ada projek terbengkalai di Kelantan. Ini *out of context*. Apa yang saya sebut semalam bukan berkaitan dengan projek terbengkalai, apabila kita kata bagaimana kita hendak *revise* balik yang 10 kilometer itu. Itu *context*, jadi dikeluarkan seolah-olah banyak projek terbengkalai.
64. Walaupun ada yang perlahan tetapi setahu saya tidak ada yang terbengkalai dalam konteks projek-projek Kerajaan Persekutuan. Jadi konteksnya begitu, untuk memastikan kita faham *the context*.
65. Selain daripada itu, saya ingin menyentuh sedikit tentang pembangunan rentas sempadan melibatkan Kelantan dan Thailand. Ini melalui IMT-GT, Kerjasama Serantau Strategik Pembangunan bersama kawasan sempadan JDS Malaysia dan Thailand. Pada sidang kemuncak IMT-GT di Bangkok pada 23 Jun 2019, Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Thailand telah mengulangi komitmen bersama agar

pembinaan jambatan kedua menghubungkan Rantau Panjang, Sungai Golok dan jambatan Pengkalan Kubor dan Takbai dilaksanakan bagi meningkatkan aktiviti perdagangan rentas sempadan kedua-dua negara.

66. Jadi kita sedang melihat keadaan terbaik, untuk memastikan kedua-dua projek ini dapat dilaksanakan dan sebelum saya menutup, saya ingin menyentuh sedikit tentang setiap negeri.
67. Setiap negeri kita pergi, kita melihat kekuatan dan isu-isu yang dihadapi oleh negeri. Kita perlu sedar bahawa, setiap negeri ada keunikannya sendiri. Kelantan ini sebuah negeri yang cukup unik sebab itu semasa Kongres Ekonomi Negeri Kelantan, saya sentuh antara perkara yang paling unik seperti yang kita tahu KDNK Kelantan lebih 20% dalam bidang pertanian.
68. Orang Kelantan ini dalam bidang pertanian, ada kepakaran. Yang mana, ada bela lembu 10 ekor, yang sudah bela lembu 15 tahun, bela kambing 20 ekor, yang sudah bela kambing dekat 20 tahun. Tetapi kadang-kadang *skill* itu terlalu kecil, kepakaran itu ada, *skill* terlalu kecil.

69. Ini merupakan satu aset yang kita boleh gemblengkan supaya mereka yang telah berkepakaran kadang-kadang hendak ajar orang bela lembu dan kambing. Ingin pergi kursus, apa semua. *It's not the same as* orang yang sudah buat. Jadi ini merupakan satu kekuatan rakyat yang ada supaya digemblengkan dalam konteks apa yang ditekan oleh YAB berkaitan dengan pertanian yang berteknologi tinggi. Itu salah satu contoh di Negeri Kelantan.
70. Saya sentuh juga berkaitan dengan Amanah Ikhtiar. Kelantan ini merupakan satu negeri yang ramai penerima Amanah Ikhtiar. Bila saya cakap macam itu, orang kata Kelantan miskin, *no apa yang* saya tekankan dalam konteks Amanah Ikhtiar, sebenarnya penerima Amanah Ikhtiar adalah mereka yang konsisten membawa balik.
71. Ini merupakan satu kekuatan, kumpulan ekonomi yang cukup besar. Jadi bayar balik, ber hutang Amanah Ikhtiar, MPL Amanah Ikhtiar adalah 2% sahaja. Jadi jika kita gemblengkan satu *group* yang berdisiplin, diberi pinjaman membayar balik. Bangunkan kumpulan ini, maka kita dapat melihat, satu impak yang besar pada ekonomi Negeri Kelantan.

72. Jadi kita lihat data, jangan lihat pada sudut negatif. Kita lihat bagaimana kita *optimise* maklumat-maklumat ini, untuk memastikan kita dapat membantu rakyat Kelantan dapat manfaat yang sebaiknya.
73. Jadi saya rasa, itu sahaja ucapan saya agak panjang sedikit sebab *homegrown*, negeri sendiri agak panjang sedikit kalau negeri lain pendek sahaja. Supaya hasrat kita adalah untuk melihat Kelantan yang sebelum ini dikatakan ketinggalan. Kita hendak tinggalkan yang itu, kita ingin memastikan bahawa Kelantan terus dibangunkan dan rakyat Kelantan terus mendapat manfaat yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.